


Bendung jenayah alam sekitar



DR HALIZA ABDUL RAHMAN

Manusia sering dianggap sebagai ejen yang mengubah alam sekitar demi memastikan kelangsungan hidup mereka.

Pada peringkat awal, nilai menghormati elemen alam sekitar menjadi asas dalam interaksi manusia dengan persekitarannya. Manusia hanya mengambil sebarang keperluan daripada alam sekitar sekadar untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Namun kemudiannya manusia telah melampaui batas dalam menjalin hubungan dengan alam sekitar akibat terlalu mengejar pembangunan mengakibatkan cara berfikir dan perlakuan manusia tidak lagi bersesuaian dengan persekitaran.

Pada masa itulah faktor *environmental possibilism* muncul. Fahaman itu mempengaruhi manusia untuk mengeksploitasi dan mengubahsuai alam sekitar semaksimum mungkin bagi mencapai pembangunan dalam usaha meraih kemajuan dan kesejahteraan hidup tanpa menghiraukan kerosakan yang berlaku terhadap alam semula jadi sehingga membawa kepada pelbagai kemelut alam sekitar.

Hakikatnya, manusia telah menggunakan alam sekitar sehingga mengubah keseimbangan dan kestabilan ekologi. Akibatnya, kualiti alam sekitar dari sehari ke sehari bertambah merosot dengan pelbagai bentuk pencemaran yang semakin meningkat. Kesannya, berlaku kepincangan terhadap persekitaran bio-fizik dan manusia sehingga berlakunya krisis antara alam sekitar dan manusia.

Tidak hairan apabila di sana sini bencana persekitaran seperti tanah runtuh, banjir kilat, kemarau, gempa bumi, jerebu dan tanah runtuh telah meningkat dengan ketara dari segi kekerapan dan kesannya sehingga mendatangkan kerugian dalam pelbagai bentuk kepada manusia.

Konsep pembangunan lestari menun-

tut kehidupan yang berkualiti iaitu keseimbangan antara ekonomi dan penjagaan alam sekitar. Kehidupan berkualiti termasuk juga hak komuniti untuk mendapat persekitaran yang bersih dan sihat.

Bagi mencapai agenda kelestarian itu, setiap individu perlu membentuk satu komuniti yang saling bekerjasama dan menghormati antara satu sama lain dalam persekitaran alam sekitar.

Walaupun dilihat agak terlewat, komuniti di Malaysia harus diberi kesedaran segera untuk lebih menghargai alam sekitar selain menuntut keterlibatan secara aktif dan berterusan dalam memperjuangkan hak mereka untuk menda-

patkan kualiti alam sekitar yang baik dan sihat.

Usaha konsisten dan berterusan harus dilakukan oleh pihak berwajib melalui pelbagai kempen, seminar, bengkel, penyebaran maklumat di media massa, media sosial dan media cetak dalam usaha memperkasa komuniti bertujuan memperlengkapkan mereka dengan pengetahuan, kemahiran, minat dan motivasi individu.

Kita tiada pilihan. Demi melestarikan alam sekitar, komuniti mesti diperkasakan dengan pengetahuan secukupnya tentang melindungi alam sekitar setempat dan memiliki kemahiran secukupnya dalam mendapatkan maklumat teknikal berkaitan

persekitaran serta menganalisis keadaan alam sekitar semasa, seterusnya merancang strategi dan tindak tanduk yang bersesuaian.

Ia termasuklah melapor kepada pihak berwajib jika mengesyaki terdapat pihak tidak bertanggungjawab bertindak mencemarkan alam sekitar.

Konsep kepolisan komuniti harus diperluaskan di negara ini. Ia merupakan cara atau gaya kepolisan iaitu bagaimana polis bekerjasama dengan komuniti setempat untuk mengidentifikasikan atau menyelesaikan masalah sosial dalam masyarakat dengan pihak polis.

Konsep ini boleh ditambah baik dengan memasukkan isu pencemaran alam sekitar yang dilihat sangat praktikal dalam membendung jenayah alam sekitar yang semakin berleluasa.

* *Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman ialah Ketua Laboratori kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia*